



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEGAWAI PELAJARAN (G.13)
JABATAN PENDIDIKAN SWASTA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEGAWAI PELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN SWASTA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.13 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Dasar Awam dan Pentadbiran / *Human Resource Development* / Pendidikan / Pengurusan / Sains Komputer / Teknologi Maklumat atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang Pendidikan seperti kursus-kursus Diploma Pendidikan / *Post Graduate in Education* / *Master of Teaching* dan yang berhubungkait dengan Pendidikan dalam tempoh 3 tahun mulai dari tarikh dilantik ke jawatan ini.

3. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menguatkuasa Akta Pendidikan (Penggali 210) dan Peraturan-peraturan Subsidiari dibawahnya; dan Akta Pendidikan Wajib (Penggali 211);
2. Mengawalselia Institusi Pendidikan Swasta dengan memastikan semua Institusi Pendidikan Swasta (Formal dan bukan formal) memahami dan mematuhi Akta Pendidikan (Penggali 210), Akta Pendidikan Wajib (Penggali 211) dan Dasar Pendidikan (2004) dalam menyediakan perkhidmatan di Negara Brunei Darussalam;



3. Melawat atau memantau Institusi Pendidikan Swasta berserta laporan, rumusan atau cadangan mengenai kepimpinan sekolah, pengajaran guru dan pembelajaran pelajar dilaksanakan dengan berkesan;
4. Menyediakan sistem sokongan yang efektif bagi membolehkan Institusi Pendidikan Swasta memberi dan menyampaikan perkhidmatan pendidikan yang efektif, berkesan, efisien dan berkualiti;
5. Memantau dan menyelaras perjalanan aktiviti atau program yang dikendalikan oleh sekolah atau institusi dalam daerah atau zon masing-masing agar tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam dan falsafah Melayu Islam Beraja;
6. Menjadi Pegawai Penyelaras bagi ahli Jawatankuasa Penilai atau menemuduga guru-guru yang akan berkhidmat dengan Institusi Pendidikan Swasta;
7. Menyediakan hal tuju Bahagian Pendidikan Swasta melalui peranan yang jelas di samping penyediaan, perancangan dan pelaksanaan Pelan Strategik Bahagian Pendidikan Swasta ke arah mencapai visi dan misi Kementerian Pendidikan;
8. Membantu dan memudah cara permohonan Institusi Pendidikan Swasta dengan kerjasama dengan agensi-agensinya yang berkaitan baik dari segi penubuhan baharu bagi meningkatkan penglibatan pihak swasta dalam bidang pendidikan dan mengalakkan institusi yang berdaftar untuk memperkembangkan perkhidmatan yang diberikan seperti permohonan tanah pajakan, penambahan bangunan, program, kursus, latihan dan aktiviti sekolah; dan
9. Melaksana Pelan Strategik Bahagian Pendidikan Swasta 2018-2022 dan menilai kejayaan pelaksanaan serta merebiu dan mengenal pasti strategi / program / inisiatif bagi memperbaiki pencapaian pelaksanaannya.